

## PANDUAN SYARIAH UNTUK IBU BAPA MENANGANI PERILAKU SEKSUAL REMAJA AUTISME

(Islamic Guidance for Parents in Dealing the Sexual Behaviour of  
Adolescent with Autism)

<sup>1</sup> FARIZA MD SHAM

<sup>1</sup> SALMIHAH CHE MUD

<sup>2</sup> MANISAH MOHD ALI

<sup>3</sup> ZULIZA MOHD KUSRIN

<sup>3</sup> ROSMAWATI MOHAMAD RASIT

<sup>4</sup> SITI NORLINA MUHAMMAD

<sup>1</sup> Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi,  
Selangor, Malaysia

<sup>2</sup> Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi,  
Selangor, Malaysia

<sup>3</sup> Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi,  
Selangor, Malaysia

<sup>4</sup> Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia, 81300, Skudai, Johor.

---

### ABSTRAK

Perilaku seksual bermula apabila berlaku perubahan organ biologi akibat kematangan organ pembiakan. Mereka mempamerkan perilaku seksual di khayalak ramai kerana tidak memahami situasi berikut berlawanan dengan norma masyarakat. Merujuk kepada permasalahan, sehingga kini bentuk pendekatan yang sesuai dan boleh diikuti oleh ibu bapa dalam mengawal tindakan remaja autisme mengikut ketetapan Islam masih terhad. Kebanyakan pada hari ini bersumberkan Barat. Oleh itu, kajian ini bertujuan membina garis panduan syariah untuk ibu bapa menangani perilaku seksual remaja autisme. Kajian ini menggunakan temu bual sebagai kaedah utama untuk mendapatkan maklumat berkaitan perilaku seksual remaja autisme. Temu bual dijalankan bersama ibu bapa yang mempunyai anak remaja autisme. Kajian ini turut

mendapat maklumat melalui perbincangan meja bulat yang diadakan sebanyak 5 kali dalam usaha mengemaskan lagi pembinaan garis panduan syariah untuk ibu bapa menangani perilaku seksual remaja autisme. Hasil kajian mendapati ibu bapa amat memerlukan satu garis panduan syariah yang memuatkan tatacara untuk diajarkan kepada anak remaja autisme mereka. Oleh itu, dalam kajian ini turut memuatkan tatacara didikan ibu bapa kepada remaja autisme dan larangan keagamaan untuk mengurangkan kecenderungan perilaku seksual agar dapat digunapakai dalam memberi pendidikan kepada anak remaja autisme. Sumbangan kajian membuktikan pendidikan agama berupaya mendidik perilaku seksual remaja autisme. Implikasi kajian mencadangkan agar garis panduan syariah ini dapat digunapakai oleh ibu bapa, guru, masyarakat dan pihak yang berkaitan seperti JAKIM, KPWKM, JKM dan NGO dalam usaha menangani perilaku seksual dalam kalangan remaja autisme.

**Kata kunci:** Panduan syariah; ibu bapa; perilaku seksual; autisme; remaja autisme

#### ***ABSTRACT***

*Sexual behaviour begins when changes in biological organ occurs due to reproductive organ's maturity. They will show sexual behaviour in a crowd because it does not understand that these situations are contrary to the norms of society. Referring to the problem, nowadays the form of guidelines according to Islam may be followed by parents in controlling the actions of autism child is still rigid. Most of today is derived from the West. Therefore, this study aims to build Sharia guidelines for parents in dealing with the sexual behavior of teen's autism. This study used interviews as main method information obtaining related to sexual behavior of adolescent with autism. Interviews are conducted with parents who have adolescent with autism. It also received information through roundtable discussion held 5 times in order to refine the Sharia guidelines for parents in dealing with the sexual behaviour of adolescent with autism. The study found the parents really need a set of guidelines procedures of Sharia are taught to their adolescent with autism. Thus, in this study also includes parental education procedures for adolescent with autism and religious restrictions to reduce the tendency of sexual behavior to be used in educating adolescent with autism. The contribution of religious education studies proved capable to educate adolescent with autism sexual behaviour. The implication of the study suggested that this syariah guidelines can be used by parents, teachers, communities and related parties such as JAKIM, KPWKM, JKM and NGOs in addressing sexual behavior among adolescent with autism.*

**Keywords:** *Islamic guidance; parents; sexual behaviour; autism; adolescent with autism*

## PENGENALAN

Remaja autisme ialah remaja berumur dalam lingkungan 12 hingga 21 tahun dan mempunyai masalah kecelaruan perkembangan neurologi. Remaja autisme mempunyai perlakuan yang sama dengan remaja normal apabila melalui peringkat remaja. Salah satunya ialah perilaku seksual iaitu segala bentuk tingkah laku yang didorong oleh hasrat seksual sama ada sesama jenis atau lawan jenis. Perilaku seksual ini bermula dengan tingkah laku yang mendorong untuk bersentuhan iaitu berpegangan tangan sehingga berpelukan antara satu sama lain, ciuman, cumbuan serta membawa kepada hubungan kelamin yang boleh mendatangkan kemudaratan besar di kemudian hari. Remaja autisme yang tidak mengetahui tentang larangan tersebut turut melakukan (Sukinah 2010).

Masalah perilaku seksual turut menimpa remaja autisme jika dibiarkan tanpa pengawalan dan perhatian yang sewajarnya daripada pihak ibu bapa dan guru. Menurut Hans Hellemans (2007), 75% remaja autisme mempamerkan perilaku seksual tertentu dengan melakukan perbuatan masturbasi dan hiper-masturbasi sebagai pilihan utama selain menunjukkan minat terhadap seks dan pelbagai perbuatan perilaku seksual yang lain. Menurut Hellemans lagi, kemahiran sosial seksual yang betul diketahui oleh remaja autisme dari sudut amal masih sederhana. Tindakan mereka melakukan masturbasi ini adalah untuk melepaskan keinginan yang membuak-buak di dalam jiwa mereka.

Zuraini et al. (2014), turut menyatakan terdapat perilaku seksual yang lain selain daripada masturbasi, menyentuh orang lain secara tidak sopan, dan menunjukkan kemaluan di khalayak ramai. Remaja autisme turut mengalami kecelaruan seksual yang utama iaitu objek dijadikan sandaran insentif sebagai rangsangan seksual seperti pakaian dalam yang kotor, pakaian perempuan dan sarung tangan getah. Remaja autisme mengambil secara sembunyi pakaian dalam guru-guru yang sudah lama diperhati dan diminatinya secara diam dan dengan itu mereka melakukan masturbasi sambil memakai pakaian tersebut.

Masalah perilaku seksual autisme mungkin dapat diselesaikan jika wujud sokongan dan bantuan daripada masyarakat. Berdasarkan temu bual yang dijalankan bersama Nor Zulia Samiran (2015), masih tiada tatacara yang khusus untuk guru dalam mendidik dan membimbing remaja autisme yang bertindak di luar batasan apabila berada di sekolah. Malah, kesemua amalan atau penyelesaian yang dilakukan adalah berdasarkan pengalaman dan kaedah sendiri agar dapat menstabilkan kembali keadaan gawat yang berlaku. Hal ini kerana, apabila seorang pelajar mencapai tahap seksual yang tinggi pada hari itu, proses pengajaran dan pembelajaran tidak dapat diteruskan dengan baik. Semua pelajar ketakutan dan terdapat juga guru-guru yang bersikap lepas tangan dalam menangani perihal perkara yang berlaku.

Oleh yang demikian, semua pihak yang terdiri daripada agensi kerajaan, swasta dan orang perseorangan memainkan peranan penting dalam memberi kefahaman dan kesedaran kepada masyarakat tentang autisme. Remaja autisme tidak boleh dibiarkan sepi tanpa ada perhatian dan pengawalan terutamanya daripada sudut pendidikan agama. Peringkat keremajaan anak-anak merupakan satu peringkat masa yang paling penting. Ibu bapa, guru dan orang sekeliling perlu menggunakan cara pendidikan moden tanpa mengetepikan pendidikan agama yang bercirikan keimanan (al-Syaikh Ahmad 2010). Sekiranya remaja autisme dibiarkan bebas melayan dunia dan tiada diajarkan kepada mereka tentang pendidikan agama, mereka dikhuatiri mengikut sesuatu perkara yang tidak baik dan bertentangan dengan Islam.

## **KAJIAN LITERATUR**

Ciri-ciri yang ditunjukkan oleh anak-anak ini mungkin kelihatan ganjil dan pelik bagi yang tidak mengenali mereka. Ketidakseimbangan dalam perkembangan psikososial dan neuro-psikologikal menyebabkan anak-anak autisme mempunyai pelbagai perilaku yang berbeza dengan orang lain. Oleh itu, anak-anak autisme memerlukan kepada bimbingan dan sokongan yang berterusan dalam usaha membimbing mereka menjalani kehidupan seharian.

Terdapat tiga item yang menjadi pengukur dalam menentukan seseorang anak itu autisme iaitu ketidakupayaan dalam interaksi sosial, ketidakupayaan dalam komunikasi dan ketidakupayaan dalam tingkah laku (Diagnostic and Statistical Manual of Mental Disorders Fifth Edition 2013). Ketidakupayaan ini membuatkan mereka tidak mampu untuk melakukan sebarang aktiviti dengan baik. Ketidakupayaan dalam interaksi sosial adalah seperti tidak mahu bertentang mata, tidak pandai menunjukkan ekspresi muka, tiada kemahuan spontan untuk berkongsi kegembiraan dan kebahagiaan serta gagal dalam mewujudkan hubungan rakan sebaya.

Anak autisme juga tidak mempunyai keupayaan dalam komunikasi lebih-lebih lagi dalam berkomunikasi dengan orang sekelilingnya seperti lambat bercakap dan sering mengulang perkataan atau juga dikenali sebagai ekolalia. Manakala dari sudut tingkah laku, mereka gemar melakukan pengulangan tingkah laku motor yang sama seperti bermain tangan atau jari. Anak-anak autisme ini tidak suka pada perubahan kerana ia akan mengganggu perjalanan aktiviti seharian. Mereka hanya akan mengikut rutin yang biasa dilakukan saja. Ada kalanya, ciri-ciri ini hanya sedikit sahaja terdapat pada seseorang anak namun ada kalanya juga, kesemua ciri ini berada pada anak autisme.

Norfishah Mat Rabi (2015) mengatakan tiga ciri autisme iaitu ciri bahasa dan komunikasi, ciri interaksi sosial dan ciri tingkah laku. Anak autisme mempunyai masalah bahasa dan komunikasi apabila dikesan lambat bercakap, tidak ada mod komunikasi, ekolalia, menggunakan ayat songsang dalam perbualan, sering bermonolog sendirian dan tidak boleh memahami atau menggunakan perkataan mengikut situasi yang sebenar.

Autisme turut mempunyai masalah interaksi sosial seperti tiada *eye contact* ketika bertutur, tidak empati dan peka dengan perasan orang lain, sukar berkongsi kegembiraan dan kebahagiaan orang lain, mudah beremosi, kurang menyedari persekitaran serta tidak gemar kepada perubahan. Manakala untuk ciri tingkah laku, anak-anak autisme akan menutup telinga apabila mendengar kebanyakan jenis bunyi, tingkah laku penggunaan badan seperti mengibas-ngibas tangan. Terdapat anak autisme yang tiada masalah ini semasa kecil tetapi semakin menampakkan ciri-ciri ini apabila meningkat ke usia remaja.

Ciri autisme yang ditemui dan dikesan pada seseorang anak pada peringkat awal boleh menyelesaikan masalah yang dihadapi. Tiga ciri utama yang sama turut dikenali sebagai ciri autisme sekali gus menjadi kayu ukur dalam pengenalpastian kecenderungan mengalami sindrom kecelaruan autisme ini ialah interaksi sosial, komunikasi dan pola tingkah laku, kecenderungan serta aktiviti. Menurut Tilton (2014), autisme mempunyai tanda yang muncul secara berbeza-beza bagi seseorang anak. Kepekaan dan peranan ibu bapa amat penting dalam mengenali dan mengenal pasti ciri autisme dengan baik sebelum anak itu didiagnosis sebagai autisme.

Cara seseorang anak autisme mempunyai masalah dalam interaksi sosial dapat dilihat pada kekurangan atau ketiadaan hubungan mata, ekspresi muka atau bahasa tubuh apabila berinteraksi, ketidakupayaan berkongsi kegembiraan dan emosi. Selain itu juga, masalah komunikasi dalam kalangan anak autisme akan wujud apabila kekurangan dan ketiadaan bahasa ekspresif (pertuturan), ketidakupayaan berbual dengan orang lain walaupun boleh bertutur serta mengulang-ulang perkataan atau ekolalia. Seterusnya, anak autisme dilihat menunjukkan keasyikan dalam melakukan sesuatu aktiviti, pergerakan yang berulang-ulang seperti berpusing-pusing atau pergerakan badan dan lebih gemar kepada rutin.

Oleh itu, melihat kepada ketidakupayaan anak autisme dalam menguruskan kehidupan sendiri dan mempunyai masalah perilaku seksual remaja autisme telah membawa kepada perlunya satu kajian dijalankan iaitu bagi membina garis panduan syariah untuk ibu bapa menangani perilaku seksual dalam kalangan remaja autisme.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan reka bentuk kajian tinjauan, menggunakan kaedah temu bual berstruktur sebagai instrumen penting memperoleh dapatan kajian tentang maklumat perilaku seksual remaja dan bagaimana cara ibu bapa dan guru menangani situasi ini. Selain itu, temu bual berstruktur diadakan bagi mendapat maklumat yang betul dan telus. Temu bual dijalankan terhadap 7 orang ibu bapa yang mempunyai anak remaja autisme dan 5 orang guru-guru yang mendidik remaja autisme. Menurut Merriam (1998), penggunaan temu bual berstruktur bertujuan mengumpulkan maklumat yang tepat seperti maklumat sosio-demografik, umur, pendapatan, taraf perkahwinan, tahap pendidikan dan sebagainya. Temu bual merupakan kaedah yang digunakan bagi mendapatkan data dan maklumat kajian terus dari responden kajian.

Seterusnya bagi membina panduan ini, sebanyak 5 siri perbincangan meja bulat telah diadakan bagi mendapatkan maklumat pakar, ibu bapa dan guru yang berpengalaman yang mengurus remaja autisme. Dalam perbincangan meja bulat telah menghimpun ahli penyelidik bersama pakar-pakar berkaitan autisme seperti pegawai pendidikan guru sekolah dan ibu bapa dalam usaha mendapatkan maklumat yang lebih tepat dan dapat diaplikasikan dalam panduan syariah. Setelah idea, isi kandungan dan konstruk diperolehi, maka panduan ini disusun dan dirangka draf awal mengikut format buku panduan. Setelah itu, buku panduan ini dibincangkan sekali lagi dalam bengkel pengesahan pakar dan pihak berkepentingan yang terdiri daripada wakil JAKIM, wakil dari Pejabat Pendidikan Daerah Hulu Langat, wakil guru dan wakil ibu bapa untuk memantapkan panduan yang dibina.

## **HASIL DAN PERBINCANGAN**

Perbincangan hasil kajian ini sekaligus akan mencapai objektif kajian yang telah ditetapkan. Hasil kajian yang dibincangkan merupakan sebahagian kandungan yang dimuatkan dalam Garis Panduan Patuh Syariah. Antara topik yang dimuatkan dalam buku ini ialah tatacara pendidikan ibu bapa untuk remaja autisme.

### **Tatacara Didikan Ibu Bapa kepada Remaja Autisme**

Tatacara ini dibentuk berasaskan hasil daripada dapatan temu bual, perbincangan meja bulat, jurnal dan bahan ilmiah yang lain. Tatacara ini dikemukakan untuk ibu bapa memberi didikan dan mengurangkan rangsangan perilaku seksual kepada kepada anak remaja autisme. Tiga perkara utama yang perlu ditekankan untuk memberi didikan kepada anak remaja autisme ialah:

1. Pendidikan fardu ain
2. Pendidikan al-Quran
3. Pendidikan pengurusan emosi

Usaha memberi ruang dan peluang beragama khususnya kepada golongan orang kelainan upaya (OKU) merupakan tuntutan fardu kifayah dan wajib dilaksanakan oleh pihak yang bertanggungjawab. Jika ditinjau dalam konteks pendidikan agama dalam kalangan OKU khususnya dalam kalangan anak-anak istimewa, ruang dan peluang mereka untuk merasai indahny hidup beragama boleh dikatakan hampir tiada terutama bagi kategori yang mengalami masalah pendengaran dan masalah pembelajaran (Mohd Zaini Mat Abas 2015). Memandangkan anak remaja autisme sukar untuk mendapat tempat dalam kelas pengajian agama, maka ibu bapa perlu berusaha untuk membantu anak remaja autisme mengenal ilmu agama terutamanya yang berkaitan pendidikan fardu ain bermula dari usia kecil lagi.

1. Pendidikan Fardu Ain

Antara perkara utama yang perlu ditekankan oleh ibu bapa kepada anak autisme semenjak usia kecil lagi ialah bersuci. Bersuci bermaksud bersuci daripada hadas kecil dan hadas besar, pakaian dan tempat tinggal, dan juga suci hati daripada sifat-sifat mazmumah. Sesiapa yang mengabaikan salah satu aspek kebersihan ini menyebabkan amalan bersuci yang dilakukan kurang sempurna. Orang yang menjaga kebersihan akan menjaga kebersihan pakaian, tubuh badan, dan tempat tinggal supaya amalannya diterima oleh Allah SWT manakala orang yang tidak menjaga kebersihan tidak akan mengambil berat tentang kebersihan diri, pakaian dan tempat tinggal.

Orang yang menjaga kebersihan akan sentiasa menjaga kewarasan akal fikiran, manakala orang yang tidak menjaga kebersihan akan sering melakukan perkara yang boleh merosakkan kewarasan akal. Orang yang menjaga kebersihan akan sentiasa dalam keadaan berwuduk, manakala orang yang tidak menjaga kebersihan, amalannya ditolak dan akan diazab oleh Allah SWT. Orang yang menjaga kebersihan akan sentiasa berfikiran positif dalam semua perkara, dan juga akan berakhlak luhur dan mulia, manakala orang yg tidak menjaga kebersihan akan bersikap malas dan berfikiran negatif dalam kehidupan, dan juga mempunyai akhlak dan perilaku yang buruk. Oleh itu, untuk remaja austisme, apabila mereka menjaga kebersihan dengan sering mengambil wuduk dan mandi, dengan harapan dapat mengurangkan rangsangan seksual yang dialami.

Perkara yang kedua ialah berkaitan solat. Solat adalah tiang agama dan penghulu segala amalan bakti dan ketaatan. Semua asas dan fungsinya dapat

digemblengkan untuk membentuk personaliti individu sebagai insan sempurna (*insan kamil*). Selain itu, solat juga mempunyai rahsia-rahsia kebatinan yang dapat membawa individu kepada keinsafan dan membina ketenteraman jiwa (Sa'id Hawa 1999).

Selain itu juga, solat mampu menjalinkan hubungan antara dirinya dan Pencipta. Ibadat solat dapat melatih individu membentuk peribadi dan ciri-ciri personaliti yang baik seperti sifat ketaatan, merendahkan diri, berdisiplin, mempelajari ketepatan masa, kesabaran, ketakwaan kepada Allah SWT dan ketenangan jiwa. Firman Allah SWT:

وَأَسْتَعِينُوا بِالصَّبْرِ وَالصَّلَاةِ وَإِنَّهَا لَكَبِيرَةٌ إِلَّا عَلَى الْخَاشِعِينَ ﴿٤٥﴾

(al-Baqarah 2: 45)

Dan mintalah pertolongan (kepada Allah) dengan jalan sabar dan mengerjakan sembahyang; dan sesungguhnya sembahyang itu amatlah berat kecuali kepada orang-orang yang khusyuk.

Selain itu, solat dapat mencegah seseorang daripada melakukan perbuatan keji dan mungkar. Firman Allah SWT:

أَتْلَ مَا أُوْحِيَ إِلَيْكَ مِنَ الْكِتَابِ وَأَقِمِ الصَّلَاةَ ۖ إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ ۗ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ ۗ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ ﴿٤٥﴾

(al-Ankabut 29: 45)

Bacalah serta ikutlah (wahai Muhammad) akan apa yang diwahyukan kepadamu dari al-Quran dan dirikanlah sembahyang (dengan tekun); sesungguhnya sembahyang itu mencegah dari perbuatan yang keji dan mungkar dan sesungguhnya mengingati Allah adalah lebih besar (faedahnya dan kesannya) dan (ingatlah) Allah mengetahui akan apa yang kamu kerjakan.

Walaupun tidak semua tahap remaja autisme wajib melakukan solat, tetapi bagi remaja yang mengalami autisme tahap rendah boleh dibiasakan dengan solat kerana dengan cara ini boleh menenangkan emosi dan mengajar fokus kepada perkara kebaikan.

Ibadat puasa adalah ibadat yang wajib bagi manusia yang beriman. Menurut al-Ghazali (1988) bahawa sebesar-besar nikmat yang pernah dikurniakan oleh Allah SWT ke atas hamba-Nya ialah menjadikan puasa itu benteng bagi para



walinya dan pelindung bagi mereka dari segala tipu daya syaitan dan angan-angan. Malah, puasa juga dapat membantu individu mengawal nafsu daripada melakukan kejahatan dan tingkah laku yang buruk. Puasa tidak hanya terhenti di situ sahaja malah puasa membentuk sifat sabar dalam diri individu. Individu yang sabar adalah individu yang beriman kepada Allah SWT. Firman Allah SWT:

قُلْ يٰعِبَادِ ٱللَّهِ ءَامِنُوا ٱتَّقُوا رَبَّكُمْ ۚ لِلَّذِينَ أَحْسَنُوا فِي هَذِهِ ٱلدُّنْيَا حَسَنَةٌ ۗ  
وَٱرْضُ ٱللَّهُ وَٱسْعَةً ۖ إِنَّمَا يُؤْتِي ٱلصَّابِرِينَ أَجْرَهُم بِغَيْرِ حِسَابٍ ﴿١٠﴾

(al-Zumar 38: 10)

Katakanlah (wahai Muhammad, akan firman-Ku ini, kepada orang-orang yang berakal sempurna itu): Wahai hamba-hamba-Ku yang beriman! Bertakwalah kepada Tuhan kamu. (Ingatlah) orang-orang yang berbuat baik di dunia ini akan beroleh kebaikan (yang sebenar di akhirat) dan (ingatlah) bumi Allah ini luas (untuk berhijrah sekiranya kamu ditindas). Sesungguhnya orang-orang yang bersabarlah sahaja yang akan disempurnakan pahala mereka dengan tidak terkira.

Anak autisme harus dibiasakan berpuasa dari peringkat awal lagi agar dapat menunaikan puasa dengan sebaik mungkin apabila melangkah ke usia remaja. Tatacara yang boleh dilakukan oleh ibu bapa dalam menyuruh anak remaja autisme berpuasa ialah mengejutkan mereka untuk bangun bersahur, menyediakan makanan sahur yang berkhasiat kepada mereka seperti nasi, sayur, lauk kegemaran mereka, air susu dan kurma, memberi kebenaran untuk mereka berbuka awal pada tahun pertama mereka belajar berpuasa dan lain-lain lagi. Dan, dengan berpuasa juga boleh mengekang rangsangan seksual remaja kerana puasa dapat mencegah seseorang daripada melakukan perkara yang tidak baik dan bertentangan dengan Islam. Malah seseorang yang berpuasa akan menjaga diri mereka daripada melakukan kemungkaran kepada Allah SWT.

Selain itu juga, ibu bapa perlu memberi didikan kepada anak remaja autisme untuk sentiasa berbuat baik kepada orang lain. Berbuat baik kepada sesama manusia merupakan salah satu kebiasaan dan keperibadian seseorang yang mencerminkan kebaikan dan keberhasilan jika dilakukan untuk pekerjaan. Berbuat baik untuk orang lain merupakan kebajikan yang sebaiknya dilakukan usia kecil, agar semua yang baik dapat berjalan dengan baik ketika sudah menginjak remaja atau sudah dewasa. Untuk menjadikan kehidupan ini menjadi

lebih baik maka harus berkorban demi hidup sendiri seperti menghulurkan sedekah dan memberikan bantuan kepada orang lain.

Perbuatan berbuat baik adalah suatu perkara yang dituntut dalam Islam. Perbuatan baik itu laksana wangian yang tidak hanya mendatangkan manfaat bagi pemakainya, tetapi juga mereka yang berada di sekitarnya. Dan manfaat psikologi dan kebajikan itu terasa seperti ubat-ubat mujarab yang dapat diperolehi di dalam hati mereka yang berhati baik dan bersih. Ibu bapa perlu memastikan anak remaja autisme berbuat baik kepada orang lain dalam kehidupan mereka. Cara yang boleh dilakukan adalah seperti mengajarkan mereka memberi salam apabila bertemu dengan orang yang lebih tua daripada mereka, tidak mengambil barang orang lain tanpa keizinan, segera meminta maaf apabila melakukan kesalahan yang boleh melukakan hati orang lain dan lain-lain lagi.

## 2. Pendidikan al-Quran

اقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ ۝ خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ ۝ اقْرَأْ وَرَبُّكَ  
الْأَكْرَمُ ۝ الَّذِي عَلَّمَ بِالْقَلَمِ ۝ عَلَّمَ الْإِنْسَانَ مَا لَمْ يَعْلَمْ

(al-'Alaq 96: 1-5)

Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk), Dia menciptakan manusia dari sebuku darah beku; Bacalah dan Tuhanmu Yang Maha Mulia; Yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan.

Ayat di atas menjelaskan bahawa al-Quran diturunkan bukan untuk dibaca sahaja, malah untuk difahami dan dihayati. Bacaan al-Quran perlu dipelajari dengan yang mahir dan mursyid tentang al-Quran. Guru pula seharusnya mengetahui kaedah pengajaran yang sesuai supaya pengajarannya lebih berkesan dan menarik. Dalam memberi pendidikan fardu ain kepada anak remaja autisme, pendidikan al-Quran amat penting bagi mengawal perilaku yang ditonjolkan oleh anak remaja autisme. Tatacara memberi pendidikan al-Quran bermula daripada ibu bapa seperti mengajar anak autisme mengenal al-Quran pada usia kecil lagi, mengajar anak autisme mengaji, menghantar anak remaja autisme ke kelas pengajian agama dan memberi penghargaan seperti hadiah untuk memberi semangat kepada anak remaja autisme apabila mereka sudah dapat membaca al-Quran dengan sebaik mungkin. Ibu bapa memerlukan kesabaran yang tinggi ketika mengajar anak-anak autisme untuk

mengenal ayat-ayat al-Quran pada peringkat awal. Model yang digunakan oleh Yayasan Faqeh boleh dijadikan contoh dalam mengajar anak-anak ini mengaji al-Quran yang mana Yayasan Faqeh menggunakan model tilawah dan tahsin ibadat dalam mendekati anak autisme kepada pendidikan Islam (Salmihah 2015).

### 3. Pendidikan Pengurusan Emosi

Emosi ialah suatu keadaan yang kompleks dalam diri manusia. Ianya melibatkan perubahan tindak balas tubuh badan seperti pernafasan, denyutan dan lain-lain (Fariza Md Sham & Jawiah Dakir 2016). Emosi juga merupakan satu tindak balas terhadap rangsangan dan mempunyai tenaga penggerak terhadap perlakuan. Emosi ini datang secara semulajadi. Oleh itu, pendidikan pengurusan emosi ialah mengawal pelbagai emosi dan perasaan yang menghantui sama ada ibu bapa mahupun remaja autisme tersebut.

Emosi marah, mengamuk atau tantrum, menangis dan lain-lain lagi bakal dihadapi oleh mereka sekiranya sesuatu berlaku ke atas diri mereka. Dalam mendekati anak remaja autisme, teknik dan kaedah yang sesuai perlu digunakan terutamanya dalam pengurusan emosi. Pendidikan pengurusan emosi ini melibatkan pengurusan emosi ibu bapa dan juga pengurusan emosi remaja autisme. Ibu bapa perlu mempunyai emosi yang baik apabila berhadapan dengan kelakuan anak remaja autisme mereka. Mereka perlu menerima qada dan qadar tentang keadaan anak, bersyukur dengan anugerah Allah SWT supaya dapat menjalani kehidupan dengan lebih baik, reda dan bersabar dengan ujian Allah SWT serta berusaha untuk mencari intervensi alternatif yang terbaik. Selain itu, ibu bapa perlu bersabar dengan setiap karenah yang ditunjukkan oleh anak remaja autisme, memberi perhatian terhadap setiap minat dan kegemaran anak remaja autisme, mengawal dan memberi nasihat secara berhikmah terhadap tindakan salah sekiranya ditunjukkan oleh remaja autisme di khayalak ramai, selalu memperdengarkan bacaan al-Quran dan zikir-zikir untuk membantu remaja autisme tenang dan tidak mudah mengamuk dan lain-lain lagi. Ibu bapa yang berjaya mengawal emosi mereka akan berjaya mengurus emosi anak-anak.

### **Larangan Agama untuk Mengurangkan Kecenderungan Perilaku Seksual**

Sesuatu perkara yang boleh membawa remaja autisme terdedah dengan masalah sosial dan perilaku seksual perlu dielakkan. Ini kerana, jika tidak mendapat pengawalan yang sebaiknya, mereka mudah terpengaruh dengan persekitaran sekeliling. Oleh itu, ibu bapa memainkan peranan dalam mendidik dan membentuk perilaku remaja autisme agar tidak terpesong dan melakukan perkara-perkara yang tidak sepatutnya.

Berikut adalah perkara yang dilarang dalam Islam kerana boleh membawa kepada kecenderungan perilaku seksual iaitu:

1. Melarang menonton filem yang berunsur ganas dan ghairah.
2. Menghindari anak remaja daripada pergaulan bebas antara bukan mahram dan lain-lain lagi.
3. Melarang membaca bahan bacaan yang merangsang seksualiti remaja.
4. Memisahkan tempat tidur antara anak lelaki dan perempuan bermula daripada usia kecil lagi.
5. Melarang bermain alat permainan yang berunsur ganas seperti *zombie war*, DOTA dan lain-lain lagi.
6. Menapis setiap audio visual yang ditayangkan yang mempunyai elemen yang tidak bermoral, kurang beretika, kurang sopan dan tidak selari dengan syariat Islam.
7. Mengelakkan sentuhan-sentuhan di tempat yang boleh merangsang seksualiti seperti memegang payu dara, menyentuh alat kelamin dan lain-lain.
8. Menjaga batas aurat dan pergaulan antara lelaki dan perempuan.
9. Mendidik akhlak dan nilai-nilai murni yang terdapat dalam Islam seperti menjaga kehormatan diri, menghormati hak orang lain dan sebagainya.
10. Memilih rakan yang baik agar tidak terpengaruh dengan perilaku sosial dan seksual.

## KESIMPULAN

Isu seksualiti dalam kalangan remaja autisme bukan isu baharu. Hal ini kerana, terdapat bukti yang menunjukkan remaja autisme berhadapan cabaran rangsangan seksualiti kerana tidak mendapat didikan agama yang sempurna. Kajian ini mendapati antara faktor yang merangsang kepada masalah seksual dalam kalangan remaja autisme ini adalah media dan persekitaran sekeliling. Oleh sebab remaja autisme ini tidak sama sifat fizikal dan mentalnya berbanding remaja tipikal yang lain, maka secara tidak langsung mereka sering kali disalahtafsirkan dalam setiap perlakuan mahupun perbuatan yang dilakukan. Remaja autisme juga tidak memahami bahawa situasi itu adalah berlawanan dengan nilai dan norma masyarakat. Dalam pendekatan Barat, remaja autisme yang mengalami rangsangan seksual akan diarahkan untuk melakukan masturbasi. Bagi perspektif Islam, kaedah ini bukanlah kaedah yang terbaik dan berlawanan dengan ajaran Islam tentang hal yang berkaitan dengan cara mengawal rangsangan seksual. Merujuk kepada keperluan memperkenalkan cara Islam, maka garis panduan ini dibina agar boleh dijadikan panduan kepada ibu bapa dalam menanganinya menurut pendekatan Islam.

Oleh kerana, ibu bapa merupakan insan yang paling hampir dan dekat dengan anak remaja autisme perlu memainkan peranan dalam menangani perilaku seksual

remaja autisme dari peringkat awal lagi. Bertitik-tolak daripada situ, pembinaan garis panduan syariah ini dibina adalah untuk memberi panduan kepada ibu bapa dan rujukan untuk guru, masyarakat dan pihak yang berkaitan seperti JAKIM, KPWKM, JKM dan NGO agar dapat memberikan pendidikan yang terbaik kepada anak remaja autisme terutamanya berkaitan dengan pendidikan agama agar dapat membantu mengawal dan seterusnya menangani perilaku seksual daripada berlaku kepada remaja autisme.

Tatacara ini sedikit sebanyak sudah pasti menjadi kayu ukur kepada ibu bapa, guru dan juga masyarakat dalam memahami dan memberi didikan yang terbaik kepada remaja autisme. Harapannya agar garis panduan ini menjadi titik permulaan kepada penambahbaikan terutamanya dalam mengawal rangsangan seksual remaja autisme dan seterusnya dapat diaplikasikan dalam kehidupan seharian. Besar harapan agar garis panduan ini menjadi kekuatan kepada ibu bapa, guru dan masyarakat dalam mendidik remaja autisme menjadi insan yang berjaya bukan sahaja di dunia bahkan di akhirat.

## **PENGHARGAAN**

Setinggi-tinggi penghargaan diberikan kepada FRGS/1/2014/SSI03/UKM/02/1 dan Yayasan Pendidikan al-Quran bagi Anak Istimewa (Yayasan Faqeh).

## **RUJUKAN**

al-Quran al-Karim.

American Psychiatric Association (APA). 2003. *Diagnostic and Statistical Manual of Mental Disorder Fifth Edition (DSM-V)*. Washington DC: American Psychiatric Association.

Fariza Md Sham & Jawiah Dakir. 2016. Perkembangan Emosi Remaja Dari Perspektif Psikologi Dakwah. Dlm. *Psikologi Islam Falsafah Teori dan Falsafah*. Khaidzir Ismail, Jawiah Dakir, Fariza Md Sham & Hanina Halimatusaadia Hamsan (pnyt.). Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

al-Ghazali. 1988. *Ihya' Ulum al-Din*. Terj. TK. H. Ismail Yakub MA. Jil. 1-4. Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd.

Hans Hellems. 2007. Sexual Behaviour in high-functioning male adolescents and young adults with autism spectrum disorder. *Journal Autism Spectrum Disorder* (37): 260-269.

Merriam, S. B. 1998. *Qualitative Research and Case Study Applications in Education*. Second Edition. San Francisco: Jossey-Bass.

- Mohd Zaini Mat Abas. 2015. *Tingkah Laku Seksual Pelajar Autisme di Sekolah*. Perbincangan Meja Bulat Garis Panduan Dalam Menangani Perilaku Seksual Remaja Autisme, 23 Mac.
- Norfishah Mat Rabi. 2015. *Rahsia dan Keunikan Personaliti Kanak-kanak Autistik di Malaysia*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Nor Zulia Samiran. 2015. *Tingkah Laku Seksual Pelajar Autisme di Sekolah*. Perbincangan Meja Bulat Garis Panduan Dalam Menangani Perilaku Seksual Remaja Autisme, 23 Mac.
- Sa'id Hawwa. 1999. *Mensucikan Jiwa*. Jakarta: Darus Salam.
- Salmihah Che Mud. 2016. Pendekatan dakwah Yayasan al-Fakeh dalam menangani perilaku seksual remaja autisme. Tesis Master. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sukinah. 2010. Perilaku seksual remaja autis. *Jurnal Pendidikan* 159-169.
- al-Syaikh Ahmad al-Qattan. 2010. *Pendidikan Anak Cemerlang Menurut al-Quran dan as-Sunnah*. Batu Caves: Pustaka Ilmi.
- Tilton, Adelle Jameson. 2014. *Panduan Lengkap Ibu Bapa Kanak-kanak dengan Autisme*. Terj. Zamaliah Mohd Marjan. Kuala Lumpur: Straits Digital Sdn.Bhd.
- Zuraini binti Yaakub & Zuliza Mohd Kusrin. 2014. Amalan intervensi perilaku seksual remaja Autistic Spectrum Disorders (ASD) di Malaysia dan keharusannya menurut syarak. *Prosiding Kolokium Siswazah Syariah Peringkat Kebangsaan 2014*, hlm. 20-32.